



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan Kerajaan Negeri Selangor dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

| Butir-Butir Tawaran | Syarat-Syarat Pendaftaran | Harga Dokumen | Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak / Taklimat | Pembelian Dokumen | Waktu & Tarikh Tutup |
|---|--|---|---|---|---|
| KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TIGA (3) UNIT LIF BOMBA DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI BLOK A, B & C, PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) KAMPUNG BARU HICOM, SEKSYEN 26, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN No. Sebut Harga: LPHS/SH/K/26/08 No. Fail : LPHS.UPA.400-5/7/214 | Kontraktor Tempatan Kontraktor Berdaftar dengan CIDB Gred: G3/ G4/ G5/ G6/ G7 Kategori: ME (MEKANIKAL & ELEKTRIKAL) Pengkhususan: M03 (LIFT DAN ESKALATOR) Dan Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Pematuhan Cukai (TCC), Serta Sijil Firma Yang Kompeten (FYK) dari: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor | RM50.00 Pembayaran Secara Online (FPX) Melalui Sistem Tender Selangor (Dokumen Hanya Akan Dijual Kepada Syarikat Yang Hadir Lawatan Tapak) | Tarikh : 07 JULAI 2026 (SELASA) Masa:10.00 PAGI Tempat : DEWAN SERBAGUNA BLOK A, PPR KG. BARU HICOM Koordinate: 3°02'09"N, 101°32'39"E Kehadiran Taklimat adalah <u>WAJIB</u> <small>(Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil)</small> | Bermula 08 JULAI 2026 (RABU) sehingga 14 JULAI 2026 (SELASA) | 15 JULAI 2026 (RABU) JAM 12.00 TENGAH HARI |

Dokumen Meja Sebut Harga boleh disemak bermula pada **03 JULAI 2026 (JUMAAT)** pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) - Bahagian Khidmat Pengurusan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **03-5544 7647 (Unit Pentadbiran & Perolehan)** dan **016-226 2480 (Unit Kejuruteraan & Teknikal)**.

Dokumen Sebut Harga **hanya akan dijual kepada Syarikat yang hadir Lawatan Tapak melalui Sistem Tender Selangor iaitu di <https://tender.selangor.gov.my>**.

Lawatan Tapak hanya boleh dihadiri oleh **penama yang dinamakan** di dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)/ Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja**. Untuk maksud ini, penama tersebut hendaklah **membawa DOKUMEN ASAL Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Pematuhan Cukai (TCC), Sijil Firma Yang Kompeten Dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan UPEN Selangor** serta masih aktif dan tempoh sah laku syarikat masih berkuatkuasa semasa pembelian dokumen sebut harga. Sila bawa **salinan bagi setiap sijil tersebut (WAJIB)** semasa **Lawatan Tapak Sebut Harga**. **Sila Bawa Bersama Cop Syarikat (*PENERIMAAN DOKUMEN SECARA DALAM TALIAN / MOBILE TIDAK TERPAKAI. SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN)**

Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan secara **Hardcopy** yang telah lengkap diisi hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang menyatakan tajuk kerja serta nombor Sebut Harga berkenaan pada sebelah atas kiri sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **SEBELUM ATAU PADA PUKUL 12.00 TENGAHARI, 15 JULAI 2026 (RABU)** kepada:

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor
Tingkat 5, Podium Utara
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM

Dokumen Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) tidak terikat menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran Sebut Harga.

Sebarang pindaan kepada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan di dalam iklan ini adalah **tertakluk kepada arahan-arahan oleh pihak Kerajaan Malaysia yang sedang berkuat kuasa dari semasa ke semasa**.

Kenyataan Sebut Harga ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) iaitu **<http://lphs.selangor.gov.my>** dan Sistem Tender Selangor **<https://tender.selangor.gov.my>**.

Tarikh: 03 Julai 2026 (Jumaat)